

01/04/2001

Tiga halang penggiliran KM diambil tindakan jika ahli Umno

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno akan mengambil tindakan terhadap tiga ahli perniagaan yang mengusahakan tindakan undang-undang terhadap sistem penggiliran bagi jawatan Ketua Menteri Sabah baru-baru ini jika mereka terbukti anggota Umno.

"Jika kita dapati mereka anggota Umno, tindakan akan diambil terhadap mereka," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi BN di ibu pejabat Umno di sini, semalam.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas jenis tindakan yang akan diambil terhadap ketiga-tiga ahli perniagaan itu.

Dr Mahathir mengakui ada beberapa anggota Umno yang tidak suka dan tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh kepimpinan parti itu.

"Sesetengah orang tidak suka (mengenai sistem itu) jadi mereka cuba ... (menghalang upacara angkat sumpah Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru).

"Tetapi majoritinya suka (dengan sistem ini) dan kita tidak dapat memenuhi hasrat semua orang," katanya ketika ditanya sama ada Umno akan mengambil tindakan terhadap anggota Umno Sabah Umno yang memfailkan injunksi untuk menghalang Ketua Menteri yang baru itu daripada mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sankaran Dandai.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia akan menangani proses globalisasi yang dijangka turut memberi kesan negatif melalui acuannya tersendiri.

Perdana Menteri berkata, walaupun seluruh dunia menghadapi proses globalisasi itu, negara tetap mahu mengekalkan kebebasannya dalam memacu perkembangan ekonomi supaya kesannya tidak merugikan negara.

"Kita percaya amat penting rakyat faham pendirian yang diambil kerajaan Barisan Nasional (BN) dan sebab-sebabnya berkaitan dengan globalisasi ini.

"Kita berasakan jika dunia diglobalisasikan, maka mereka yang mendapat faedah daripada globalisasi mestilah memberi sumbangan kepada kekayaan dunia. Jadi itulah sebab itu ada cadangan supaya negara kaya dikenakan cukai bagi mengagihkan kekayaan di kalangan negara miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata, mereka yang kaya membayar cukai korporat dan cukai pendapatan supaya kerajaan boleh membina serta mengekalkan kemudahan yang ada untuk dinikmati bersama oleh mereka yang kaya dan miskin.

Katanya, dengan globalisasi, dunia akan menjadi seperti satu negara dan mereka yang menceburi bidang perniagaan akan mendapat banyak manfaat daripadanya.

"Mereka sepatutnya membantu yang miskin dan itu sebabnya kita mencadangkan cukai digunakan bagi membina infrastruktur di mana negara miskin tidak mampu mengadakannya.

"Dengan adanya infrastruktur sedemikian, pembangunan negara dapat dirangsangkan," katanya.

(END)